

Kosmo
28/9/2015
mls 11

Tangani wabak rabies secara bijaksana

PENYAKIT anjing gila atau rabies yang melanda tiga negeri di utara tanah air iaitu Pulau Pinang, Kedah dan Perlis sejak pertengahan bulan September lalu meresahkan penduduk lebih-lebih lagi apabila melihat anjing liar berkeliaran di kawasan kediaman mereka.

Keresahan orang ramai itu ada asasnya apabila *The New York Times* pada 20 April lalu melaporkan satu kajian Pengawalan Penyakit Anjing Gila yang dijalankan Global Alliance dan disiarkan di jurnal *PLoS Neglected Tropical Diseases* mendapati rabies membunuh 59,000 orang setahun iaitu kira-kira 160 orang sehari.

Walaupun India mencatat jumlah angka kematian tertinggi untuk penyakit anjing gila kira-kira 21,000 setahun namun kebanyakan negara Afrika juga mencatatkan kadar kematian perkapita yang tinggi selain China.

Berdasarkan kajian itu, 99 peratus kematian manusia akibat penyakit anjing gila ini adalah disebabkan gigitan anjing. Peratusan itu adalah tinggi!

Menurut portal rasmi MyHEALTH Kementerian Kesihatan, mereka yang dijangkiti rabies boleh mengalami komplikasi sukar bernafas sehingga menyebabkan kematian.

Bagaimanapun, kita masih boleh menghela nafas lega apabila Menteri Kesihatan, Datuk Dr. S. Subramaniam mengesahkan tiada rakyat negara ini yang mengalami simptom menghidap rabies selepas digigit anjing.

Pelbagai usaha dilihat dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) di ketiga-tiga negeri diisytiharkan sebagai kawasan wabak anjing gila termasuk menangkap anjing-anjing yang berkeliaran tanpa tuan selain menyuntik vaksin pada haiwan peliharaan tersebut.

Tindakan menyuntik vaksin pada anjing dilaporkan telah mengurangkan kadar kematian menghampiri sifar di Amerika Utara dan Amerika Selatan.



Di Sebalik Isu Panas

Bersama NORHAYATI YAHAYA

“Dahulu anjing liar ini ditangkap menggunakan kaedah tembak tetapi kita telah menjalankan kolaborasi dengan agensi lain seperti majlis daerah dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri bagi menggunakan kaedah sumpit ubat pelali sebelum memusnahkan haiwan tersebut”

Bagaimanapun, timbul desakan terutama daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang membentangkan dan membantah tindakan PBT membunuh anjing liar yang ditangkap.

Perkara itu bukan hanya terjadi di negara kita, malah turut berlaku di luar negara apabila tindakan dikenali sebagai program pemusnahan yang menyasarkan anjing liar sering menemui kegagalan disebabkan demonstrasi bantahan NGO terlibat.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang, Dr. Siti Salmiyah Tahir ketika dihubungi berkata, mengikut Akta Binatang 1953, JPV perlu mengambil tindakan segera untuk mengawal penyakit tersebut dengan memusnahkan haiwan yang dijangkiti rabies.

Katanya, persepsi masyarakat terutama NGO berkaitan terhadap tindakan diambil oleh JPV iaitu menangkap dan memusnahkan anjing gila itu sebenarnya perlu dikikis kerana ia bukan satu tindakan yang baharu tetapi sudah lama diamalkan.

“Dahulu anjing liar ini ditangkap menggunakan kaedah tembak tetapi kita telah menjalankan kolaborasi dengan agensi lain seperti majlis daerah dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri bagi menggunakan kaedah sumpit ubat pelali sebelum memusnahkan haiwan tersebut,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Menurut Siti Salmiyah, orang ramai harus faham tindakan itu terpaksa diambil bagi membunuh haiwan yang berpotensi berpenyakit bagi menyelamatkan manusia.

“Anjing gila itu tetap akan mati iaitu dalam tempoh 14 hari selepas ia dijangkiti rabies tetapi virus itu akan mencari perumah baharu dengan menggigit manusia atau haiwan lain.

“Sekiranya kita tidak mengambil tindakan dengan cepat dan segera, nanti manusia terancam dengan gigitan anjing gila pula,” ujarnya.